

**KOSMO, Malaysia**

20 Aug 2015, by

Business & Finance, page 51 - 207.00 cm²Malaysia - Bahasa Newspapers - circulation 208,331
(MTWTF)

ID 452479350

BRITIFF FELDA

INDEX 1

PAGE 1 of 2

MSM terkesan pengukuhan dolar AS

KUALA LUMPUR – Pengeluar gula bertapis terbesar negara, MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) kekal menguasai 64 peratus daripada pasaran gula tempatan walaupun beroperasi dalam persekitaran semasa yang mencabar termasuk pengukuhan mata wang dolar Amerika Syarikat (AS).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod berkata, polisi kewangan syarikat yang kukuh dalam memberi tumpuan terhadap mekanisme perlindungan kadar tukaran asing dan pembelian gula mentah telah membantu syarikat tersebut berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi sejak enam bulan lalu.

"Keadaan pasaran semasa, khususnya kenaikan kadar dolar AS telah

memberi impak kepada kami memandangkan MSM mengimport gula mentah dalam dolar AS.

"Oleh itu, kami perlu mengambil langkah lindung nilai yang teliti dan ini amat penting," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung prestasi kewangan setengah tahun pertama 2015 MSM di sini semalam.

Sheikh Awab bagaimanapun menegaskan, pengukuhan dolar itu setakat ini tidak menjelaskan prestasi kewangan MSM dan masih boleh dibendung.

"Selain itu, penurunan harga gula mentah pada masa ini menyediakan penimbal terhadap pengukuhan dolar AS.

"Walaupun tidak melindungi kesan seperuhnya, tetapi penurunan harga itu sememangnya memberi manfaat.

"Memandangkan pendapatan MSM bergantung kepada nilai dolar, kami berhasrat mempelbagaikan sumber pendapatan termasuk terlibat dalam aktiviti huluan dan hiliran.

"Sasaran kami ialah 30 peratus penda-

patan daripada aktiviti huluan, penapisan (40 peratus) dan hiliran (30 peratus).

"Jika aktiviti perniagaan dipelbagaikan, maka terdapat penimbal kepada pendapatan kami sekiranya ada ketidaktentuan dalam pertukaran mata wang dan harga gula mentah dunia," jelasnya.

Selain itu, Sheikh Awab menerangkan, langkah itu juga akan membolehkan syarikat terus berkembang dalam perniagaan teras dan juga untuk peringkat global.

Sementara itu, beliau menjelaskan, pembangunan kilang penapisan baharu MSM di Tanjung Langsat, Johor yang dijangka beroperasi pada tahun 2017, sedang berjalan lancar.

"Majlis pecah tanah dijangka berlangsung pada Oktober ini, namun ia bergantung kepada lesen daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

"Pembinaan kilang penapisan yang melibatkan kos RM1 bilion yang mempunyai kapasiti pengeluaran satu juta tan setahun itu dijadualkan dibangunkan selama 22 bulan," katanya.

Provided for client's internal
research purposes only. May not
be further copied, distributed, sold
or published in any form without
the prior consent of the copyright
owner.

ID 452479350

BRIEF FELDA

INDEX 1

PAGE 2 of 2



SHEIKH AWAB